

**Penubuhan Pusat Rel Tingkat Kedudukan Malaysia Sebagai Peserta Utama Industri Rel - Najib Bernama
24 September, 2012**

KUALA LUMPUR, 24 Sept (Bernama) -- Penubuhan Pusat Rel CSR, kompleks bernilai RM400 juta di Batu Gajah, Perak, akan mengukuhkan lagi kedudukan Malaysia sebagai peserta utama dalam industri rel, kata Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

Beliau bagaimanapun berkata, masih terdapat banyak lagi ruang untuk pertumbuhan dan pengembangan dalam industri rel yang besar, yang belum diterokai di Asia Tenggara dan melangkauinya.

Tiada sebab kenapa Malaysia bersama-sama dengan rakan-rakan kongsinya yang berkebolehan tidak boleh meneroka peluang berkenaan, kata beliau.

"Dalam masa 10 tahun, adalah dijangka akan ada permintaan bagi 250 unit tren rel dan lokomotif lagi di Malaysia sahaja dan permintaan dari Asean dan Timur Tengah dijangka mencecah 2,900 unit tren baharu.

"Ini adalah pasaran yang besar. Selain daripada ini, pembaikan, penyenggaraan dan baik pulih (MRO) kereta api merupakan satu lagi peluang yang menanti untuk diterokai kerana dianggarkan dalam tempoh lima tahun, kira-kira 1,350 kereta api akan memerlukan perkhidmatan MRO.

"Oleh itu, memang tepat pada masanya bagi Malaysia untuk mempunyai Pusat Rel ini yang didirikan oleh CSR (CSR Group dari China) dan pemeteraian MOA (Memorandum Perjanjian) hari ini menandakan satu lagi peristiwa penting dalam industri kereta api Malaysia yang semakin pantas berkembang," kata beliau pada majlis menandatangani MOA berkenaan antara Kementerian Pengangkutan dan CSR Zhuzhou Electric Locomotive Co Ltd (CSR), di sini pada Isnin.

Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan Datuk Long See Wool mewakili kerajaan Malaysia manakala Presiden dan Pengarah Eksekutif CSR ZELC Xu Zongxiang menandatangani bagi pihak syarikat.

Najib, Menteri Pengangkutan Datuk Seri Kong Cho Ha, Duta Besar China ke Malaysia, Chai Xi dan Naib Presiden CSR Fu Jianguo menyaksikan acara tersebut.

Perdana Menteri berkata beliau telah dimaklumkan bahawa peserta rel utama dalam konvensyen industri rel terbesar dunia, Innotrans, yang diadakan di Berlin, Jerman, minggu lepas telah menyifatkan Malaysia sebagai 'hotspot' industri rel baru, berkembang jauh lebih kukuh daripada mana-mana negara lain di Asia Tenggara.

Beliau berkata dengan semua projek yang sedang dijalankan Malaysia, iaitu pembinaan MRT, sambungan transit rel ringan LRT dan pelbagai rancangan baru, serta kajian kemungkinan kerajaan bagi kereta api berkelajuan tinggi, Najib berkata: "Saya percaya ini petanda baik bagi Malaysia dari segi potensi pelaburan langsung asing (FDI) dan saya berharap lebih banyak syarikat akan mencontohi CSR ZELC dalam membuat komitmen jangka panjang kepada negara," katanya.

Najib berkata beliau pasti bukan sahaja Pusat Rel ini akan menjadi pendorong untuk meningkatkan pembangunan di Batu Gajah, tetapi juga akan menjadi pemangkin kepada pertumbuhan industri bagi teknologi kereta api di Malaysia.

Sementara itu, Kong berkata kerjasama itu akan membuka jalan kepada pemahaman lebih baik bagi teknologi rel bagi Malaysia dan meningkatkan pemindahan positif teknologi dan pengetahuan ke Malaysia.

"Dengan menjadi hab di Asean dan pengangkutan rel menjadi kaedah pilihan dalam pengangkutan awam, Malaysia akan pasti menempatkan dirinya untuk menjadi peneraju kereta api dalam ASEAN, menghasilkan kereta api dan lokomotif untuk kegunaan tempatan dan eksport," kata beliau.

Kawasan seluas 20.23 hektar yang dikenali pasti di Batu Gajah, kini dimiliki Perbadanan Aset Keretapi dan akan dipajak kepada CSR bagi pembangunan pusat itu.

MOA antara kerajaan Malaysia dan CSR akan meliputi bidang-bidang seperti teknologi dan kejuruteraan kereta api, sumber industri mengenai infrastruktur kereta api, pembangunan sumber manusia dalam kejuruteraan kereta api dan bidang kerjasama lain dalam bidang kejuruteraan kereta api maju dan teknologi yang dipersetujui bersama.

Naib Presiden CSR Fu Jianguo berkata fasa pertama pembangunan akan melibatkan kos kira-kira RM200 juta untuk tempoh dua tahun, yang akan siap dalam masa dua tahun.

Fasa kedua, melibatkan RM200 juta, akan terdiri daripada pusat penyenggaraan, pembaikan dan baik pulih, juga mengambil masa dua tahun.

"Sebagai sebuah syarikat yang berpengalaman dalam pembinaan infrastruktur, kita percaya CSR Zhuzhou akan dapat menyiapkan pembangunan hab ASEAN dan menyediakan pemindahan teknologi seperti yang dijadualkan," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=696904>